

**SOALAN LAZIM BERKAITAN  
PROSES PERMOHONAN PERTUKARAN MAJIKAN**

**1. Apakah yang dimaksudkan bagi permohonan Pertukaran Majikan?**

Permohonan Pertukaran Majikan bermaksud majikan asal yang sedang menggajikan pekerja asing sedia ada ingin memindahkan pekerja asing tersebut ke majikan baharu disebabkan oleh kes-kes tertentu. Ini merupakan satu kemudahan yang diberikan kepada majikan untuk memastikan kesinambungan peluang pekerjaan kepada pekerja asing yang terlibat dan ianya tertakluk kepada dasar dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

**2. Apakah kriteria pertimbangan bagi permohonan Pertukaran Majikan?**

Kriteria pertimbangan bagi permohonan Pertukaran Majikan adalah seperti berikut:

- i. Majikan diisytihar mufliis;
- ii. Majikan telah menutup operasi syarikat;
- iii. Majikan yang ditimpa musibah (kebakaran, bencana alam, kegawatan ekonomi dan lain-lain yang disifatkan sebagai perkara musibah) dan tidak mampu menggaji pekerja asing;
- iv. Penstrukturan semula syarikat Enterprise kepada Sdn Bhd/Berhad;
- v. Perubahan nama syarikat atau nama pengarah/lembaga pengarah; atau
- vi. Majikan asal telah meninggal dunia. Bagi kes majikan asal yang telah meninggal dunia, hanya waris (anak/suami/isteri) sahaja dibenarkan untuk memohon proses tukar majikan.

**3. Sektor manakah yang layak dipertimbangkan dalam permohonan Pertukaran Majikan?**

Hanya majikan di bawah sektor yang dibenarkan penggajian pekerja asing sahaja yang layak dipertimbangkan untuk menjadi majikan baharu atau majikan penerima. Majikan-majikan dalam sektor yang telah dibekukan atau tidak dibenarkan penggajian pekerja asing oleh dasar semasa tidak layak untuk menjadi majikan baharu atau penerima.

**4. Apakah kategori pekerja asing yang tidak layak dipertimbangkan dalam permohonan Pertukaran Majikan?**

Pekerja Asing kategori pas 6P, Program *Rehiring*, Program Khas Pengurusan PATI (PKPP) atau mana-mana program pemutihan, pembantu rumah, pekerja selain pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan pemegang PLKS tahun penggajian ke-10 **tidak layak** untuk dipertimbangkan Pertukaran Majikan.

**5. Bagaimanakah majikan hendak melakukan permohonan Pertukaran Majikan?**

Majikan perlu mendapatkan surat sokongan daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk proses Pertukaran Majikan.

**6. Apakah kelayakan kelulusan bagi permohonan Tukar Majikan?**

Kelulusan tukar majikan bergantung kepada pematuhan majikan dan pekerja asing terhadap semua undang-undang yang sedang berkuatkuasa dan kelayakan kuota majikan baharu.

**7. Apakah kriteria tempoh sah laku PLKS semasa permohonan dilakukan?**

Tempoh sah laku PLKS pekerja asing yang terlibat mestilah aktif sekurang-kurangnya 3 bulan semasa permohonan dilakukan bagi memastikan ianya dapat diproses.

**8. Bagaimanakah permohonan Surat Sokongan JTKSM bagi Pertukaran Majikan dilakukan oleh majikan?**

Majikan boleh membuat permohonan tersebut melalui kaedah-kaedah berikut:

- i. Menyerahkan permohonan terus ke kaunter Ibu Pejabat, JTKSM;
- ii. Menghantar permohonan melalui pos ke Ibu Pejabat, JTKSM; atau
- iii. Menghantar permohonan melalui e-mel dinyatakan [ptm@mohr.gov.my](mailto:ptm@mohr.gov.my)

**9. Kategori majikan yang dibenarkan untuk melakukan permohonan Pertukaran Majikan?**

Hanya Majikan Asal sahaja yang dibenarkan membuat permohonan Pertukaran Majikan.

**10. Siapakah yang dibenarkan untuk menghantar permohonan Surat Sokongan JTKSM bagi Pertukaran Majikan tersebut?**

- i. Majikan asal atau waris (suami/isteri/anak) kepada majikan asal yang telah meninggal dunia;
- ii. Wakil kepada majikan asal (dicarum dalam KWSP syarikat); atau
- iii. Wakil APS yang dilantik oleh majikan asal.

**11. Adakah permohonan Surat Sokongan JTKSM bagi Pertukaran Majikan dibenarkan jika membabitkan lebih daripada 1 majikan baharu?**

Majikan asal boleh membuat permohonan Surat Sokongan JTKSM yang melibatkan lebih daripada 1 majikan baharu tetapi majikan asal hendaklah membuat permohonan secara serentak bagi semua majikan baharu yang terlibat.

**12. Adakah majikan perlu membuat permohonan pertukaran majikan bagi semua pekerja asing mereka?**

Majikan dibenarkan untuk membuat permohonan pertukaran majikan bagi sejumlah pekerja asing dan tidak semestinya bagi keseluruhan pekerja asing sedia ada (bergantung kepada sebab-sebab pertukaran majikan).

**13. Apakah tindakan yang akan dijalankan oleh pihak JTKSM setelah menerima permohonan Surat Sokongan JTKSM tersebut?**

Pihak JTKSM akan menjalankan siasatan ke atas majikan bagi memastikan majikan telah mematuhi peruntukkan undang-undang perburuhan dan kebajikan pekerja termasuk penginapan yang disediakan. Surat Sokongan tersebut hanya akan dikeluarkan kepada majikan yang didapati telah mematuhi peruntukkan undang-undang perburuhan dan kebajikan pekerja mereka sahaja.

**14. Adakah JTKSM akan mengeluarkan jumlah pekerja asing yang akan disokong pada Surat Sokongan tersebut?**

Surat Sokongan yang dikeluarkan JTKSM tidak akan menyatakan jumlah pekerja asing yang disokong memandangkan pihak Agensi Kawal Selia akan menentukan jumlah sebenarnya pekerja asing yang layak ditukarkan semasa temuduga di *One Stop Centre* (OSC).

**15. Kepada siapakah makluman keputusan permohonan Surat Sokongan JTKSM bagi Pertukaran Majikan akan dimaklumkan?**

Keputusan permohonan tersebut akan dimaklumkan kepada majikan baharu manakala majikan asal akan menerima salinan makluman tersebut.

**16. Bagaimanakah keputusan permohonan Surat Sokongan Pertukaran Majikan akan diperolehi?**

Permohonan yang dikemukakan sama ada melalui serahan tangan, pos atau emel akan diberi makluman keputusan permohonan Surat Sokongan Pertukaran Majikan melalui emel. Justeru, maklumat emel Majikan Asal yang memohon adalah WAJIB.

**17. Apakah yang perlu dilakukan oleh majikan selepas mendapat Surat Sokongan Pertukaran Majikan daripada JTK?**

Majikan Asal/ Waris (bagi kes kematian majikan asal) perlu mengisi borang permohonan pertukaran majikan dengan lengkap dan mengemukakan dokumen permohonan seperti dalam senarai semak kepada Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri (KDN).

**18. Bilakah majikan boleh mengemukakan permohonan atau hadir ke OSC, KDN bagi proses Pertukaran Majikan?**

Majikan/Wakil Majikan boleh hadir ke OSC, KDN pada bila-bila masa mengikut jadual temuduga yang telah ditetapkan seperti di lampiran setelah Surat Sokongan Pertukaran Majikan diperolehi daripada JTK.

**19. Apakah keadaan yang berlaku di akhir proses pertimbangan permohonan Tukar Majikan?**

Sekiranya permohonan Tukar Majikan dipertimbang dan diluluskan diperingkat OSC, KDN, majikan akan mendapat Surat Kelulusan Tukar Majikan dan seterusnya perlu hadir ke Jabatan Imigresen Malaysia bagi tujuan proses cetakan PLKS yang baharu.

**JADUAL TEMUDUGA PERMOHONAN PERTUKARAN MAJIKAN  
PUSAT KELULUSAN SETEMPAT, BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING  
ARAS 5, BLOK D9, KEMENTERIAN DALAM NEGERI (OSC, KDN)**

<b>BIL</b>	<b>SEKTOR/AGENSI KAWAL SELIA (AKS)</b>	<b>HARI</b>
1	<b>Sektor Perkilangan</b> Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Isnin & Selasa
2	<b>Sektor Pembinaan</b> Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Selasa
3	<b>Sektor Perkhidmatan</b> • Subsektor Restoran • Subsektor Pencucian & Pembersihan • Subsektor Borong & Runcit Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	Rabu
4	<b>Sektor Perkhidmatan</b> • Subsektor Pengendalian Kargo Kementerian Pengangkutan (MOT)	Rabu
5	<b>Sektor Perladangan</b> Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)	Rabu
6	<b>Sektor Pertanian</b> Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA)	Rabu
7	<b>Sektor Perkhidmatan</b> • Subsektor Kedi • Subsektor Spa & Refleksologi • Subsektor Hotel Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Khamis
8	<b>Sektor Pengkuarian dan Perlombongan</b> Kementerian Tenaga dan Sumber Asli Dan Alam Sekitar (KeTSA)	Khamis

**WAKTU OPERASI KAUNTER BAGI URUSAN TEMUDUGA:  
ISNIN - KHAMIS: 8.30 PAGI – 5.30 PETANG  
(NOMBOR GILIRAN DITUTUP PADA JAM 12.00 TENGAH HARI)**

**WAKTU OPERASI KAUNTER BAGI URUSAN LAIN:  
ISNIN - KHAMIS: 8.30 PAGI - 1.00 TENGAHARI / 2.00 PETANG – 5.30 PETANG  
JUMAAT: 8.30 PAGI - 12.00 TENGAH HARI / 2.45 PETANG – 5.30 PETANG  
NOMBOR GILIRAN DITUTUP PADA JAM 12.00 TENGAH HARI (ISNIN-KHAMIS)/  
11.00 PAGI (JUMAAT) BAGI SESI PAGI DAN PADA JAM 4.00 PETANG BAGI SESI PETANG**